

Pelan Integriti



"Perkhidmatan awam hendaklah mampu menarik dan mengekalkan anggota yang mempunyai "*character*" (perwatakan) dan berintegriti. Justeru, mesej yang konsisten yang harus diperjelaskan kepada penjawat awam dan orang ramai, ialah bahawa perkhidmatan awam amat mementingkan aspek kualiti peribadi dan tidak akan bertolak ansur berhubung aspek integriti, iaitu *zero-tolerance* bagi yang tiada integriti.

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan Ketua Setiausaha Negara –
Majlis Penutupan Persidangan Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan Awam ke-12
"1 Perkhidmatan Awam: Pelanggan Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

Terbitan Tahun 2014



KANDUNGAN

M/S

HALA TUJU STRATEGIK JPBD NEGERI KELANTAN

- Visi
- Misi
- Fungsi Jabatan

3
3
3

TERAS PERKHIDMATAN AWAM

4

KOD ETIKA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

5

10 K BUDAYA KERJA JPBD NEGERI KELANTAN

6

PERANAN WARGA JPBD NEGERI KELANTAN

7

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

7

TUJUAN PENYEDIAAN PELAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

8

LATAR BELAKANG

8

OBJEKTIF PENYEDIAAN PELAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

10

STRATEGI INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

10

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

11

PENUTUP

12

جايتن فرانيچن بندر دان ديسا نكري كلنتن

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

BLOK 4, ARAS BAWAH,
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15646 KOTA BHARU, KELANTAN

HALA TUJU STRATEGIK JPBD NEGERI KELANTAN

VISI

“ Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020 ”

MISI

“ Memacu perancangan fizikal Negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat ”

FUNGSI JABATAN

Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) serta agensi berkaitan;

Untuk menggubal dan melaksanakan kaedah-kaedah di bawah Akta 172, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian berkesan oleh semua agensi di peringkat pelaksanaan;

Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat negeri;

Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat negeri;

Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan kemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta 172 dan akta berkaitan; dan

Untuk merancang dan mentadbir pengurusan pentadbiran, perkhidmatan dan kewangan.

TERAS PERKHIDMATAN AWAM

1. Berazam Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Awam
2. Bekerja Dengan Penuh Tanggungjawab
3. Berusaha Mengikis Sikap Mementingkan Diri
4. Berkhidmat Dengan Penuh Muhibah Dan Kemesraan
5. Bekerja Ke Arah Memajukan Pemikiran Rakyat Dan Pembangunan Negara
6. Bekerjasama Dalam Membentaras Kelemahan Dan Musuh Negara
7. Berpegang Teguh Kepada Ajaran Agama

DEFINISI NILAI

Nilai adalah ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.

DEFINISI ETIKA

Etika bermaksud tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat. Seseorang anggota perkhidmatan awam berkewajipan memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam kerajaan. Etika merupakan prinsip moral atau nilai akhlak atau tingkah laku yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Prinsip moral dan kesedaran akhlak ini tidak boleh dicapai oleh seseorang tanpa menjalin perhubungan sosial dengan orang lain.



NILAI-NILAI TERAS PERKHIDMATAN AWAM

AMANAH

Setiap tugas hendaklah disempurnakan dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas

BENAR

Setiap amalam, tindakan dan perilaku hendaklah berasaskan kebenaran, undang-undang dan peraturan

BIJAKSANA

Setiap tugas hendaklah dilaksanakan secara bijaksana berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesionalisme yang tinggi

TELUS

Setiap tindakan dan keputusan hendaklah dibuat melalui proses yang telus dan maklumatnya perlu dihebahkan kepada pihak yang berhak selagi ia tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturan

ADIL

Membuat pertimbangan yang saksama dan sama rata dalam setiap tindakan dan keputusan berasaskan undang-undang, peraturan, keutamaan serta fakta yang lengkap dan tepat

BERSYUKUR

Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan, pencapaian dan anugerah yang diperoleh serta menunjukkan kepuasan terhadap nikmat yang diterima

KOD ETIKA ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

Pentadbiran Negeri telah menyediakan Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebagai satu garis panduan tatakelakuan untuk dipakai dan dipatuhi oleh semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri. Ianya hendaklah dihayati dan diamalkan dalam menjalankan tugas harian dan kehidupan di luar pejabat sepanjang perkhidmatan. Nilai teras Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan terbahagi kepada tiga komponen nilai iaitu:

'UBUDIYYAH

Nilai ini merujuk kepada kedudukan manusia kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepadaNya. Ia memberi signifikansi dari sudut sifat diri, tujuan hidup, dan juga cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan aqidah yang jelas. Nilai tatakelakuan 'Ubudiyyah terdiri daripada:-

- Ikhlas dan Niat Suci - Bekerja sebagai Ibadat - Pengawasan Allah SWT - Balasan dan Ganjaran - Mencapai keredhaan Allah SWT – Bersyukur

'MAS'ULIYYAH


Nilai ini merujuk kepada kebertanggungjawaban (akauntabiliti), iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini akan dipersoalkan oleh Allah di hari pengadilan kelak. Nilai ini merupakan satu konsep khilafah (vicegerence) yang memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat. Nilai tatakelakuan 'Mas'uliyah terdiri daripada:-

- Amanah – Benar – Bertanggungjawab – Berdisiplin – Kepatuhan - Berbudi pekerti mulia dan berprasangka baik

ITQAN

Nilai ini merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja. Nilai ini akan membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas. Nilai tatakelakuan 'Mas'uliyah terdiri daripada:-

- Mahir – Tekun – Komitmen - Cepat, tepat dan berkualiti – Kreatif – Inovatif - Bekerjasama dan bermuafakat - Berbudi bahasa dan berperibadi mulia – Bijaksana – Telus – Adil



PERANAN WARGA JPBD KELANTAN

Setiap kakitangan JPBD Negeri Kelantan perlu:

- Memahami dan menghayati visi, misi dan objektif Jabatan;
- Menghayati nilai-nilai teras perkhidmatan awam dan kod-kod etika perkhidmatan awam Negeri Kelantan;
- Menghayati 10 K budaya kerja JPBD Negeri Kelantan;
- Menjadi contoh dan teladan yang baik dengan sentiasa mematuhi undang-undang, dasar dan peraturan dalam melaksanakan tugas harian;
- Berusaha mencegah dan mengelakkan kesilapan serta mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan kesilapan pada masa hadapan;
- Sentiasa bercakap benar meskipun sukar melakukannya dan sentiasa menegakkan kebenaran;
- Sentiasa mewujudkan suasana kerja yang harmoni, saling hormat menghormati dan saling bekerjasama di antara pegawai dan kakitangan di waktu senang mahupun susah;
- Berusaha mencegah dan mengelakkan kesilapan serta mencadangkan penambahbaikan untuk mengurangkan kesilapan pada masa hadapan; dan
- Menghormati pelanggan dan tidak sesekali menyakiti pelanggan dengan mengamalkan rasuah, melayan pelanggan dengan penuh sabar dan mesra.

Setiap kakitangan JPBD Negeri Kelantan juga perlu mematuhi Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam.

IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, Pegawai Awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

- Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
- Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat integriti dan imej Pegawai Awam; dan
- Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.

TUJUAN PENYEDIAAN PELAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

Pelan integriti Organisasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (JPBD Kelantan) ini disediakan bertujuan :

- i. Sebagai panduan kepada kakitangan agar meletakkan integriti sebagai perkara utama sebagai penjawat awam;
- ii. Memandu dari segi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti berteraskan integriti; dan
- iii. Meningkatkan pemahaman dan pembudayaan integriti di kalangan warga JPBD Negeri Kelantan;

LATAR BELAKANG

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan merupakan satu jabatan yang amat penting di peringkat negeri. Jabatan sering menjadi rujukan kerana bidang perancangan merupakan pemula dalam satu-satu aspek pembangunan. Selain itu, bidang perancangan yang semakin kompleks dari aspek fizikal,

ekonomi dan sosial memberi cabaran yang lebih kepada Jabatan terutama dalam mengekalkan pembangunan yang mampan. Justeru, setiap kakitangan sangat terdedah kepada salah laku samada secara sedar atau tidak ketika berurusan dengan pemaju, perunding dan pihak-pihak berkepentingan tentang pemajuan mereka.

Menyedari betapa pentingnya isu integriti diberi penekanan oleh pihak pengurusan dan selari dengan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan negara yang bersih, setiap kakitangan perlu melengkapkan diri dengan kemahiran (*skills*), ilmu pengetahuan (*knowledge*) dan sikap peribadi (*attitude*) yang tinggi. Di dalam ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kesepuluh, tahun 2010, YAB Perdana Menteri telah mengutarakan enam elemen bagi meningkatkan kualiti penjawat awam yang perlu dipatuhi :-

Pertama :

Perkhidmatan Awam yang berkualiti perlu memantapkan keprofesionalan terutamanya dalam skop kerja masing-masing;

Kedua :

Anggota Perkhidmatan Awam perlu sentiasa memberikan perkhidmatan yang responsif kepada pelanggan;

Ketiga :

Mengubah *mindset* masing-masing dengan memberi keutamaan dan perhatian terhadap aduan dan rungutan yang diterima daripada pelanggan;

Keempat :

Mengambil manfaat sepenuhnya kemajuan dalam teknologi maklumat, komunikasi atau ICT;

Kelima :

Lebih kreatif dan inovatif dalam menerokai pembaharuan untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan; dan

Keenam :

Memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan penuh integriti.

Definisi Integriti

Kamus Dewan Bahasa mendefinisikan ***integriti*** sebagai ***kejujuran, keadaan sempurna dan utuh***. Dalam wikipedia menerangkan integriti sebenarnya berasal dari istilah bahasa Inggeris yang membawa erti keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam bahasa Melayu, ia biasanya menjurus ke arah perwatakan seseorang. Maksud integriti mengikut Kamus Dwibahasa DBP, 1985, ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Dari maksud yang didapati dari Kamus di atas, integriti adalah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi dan boleh dipercayai.

OBJEKTIF PENYEDIAAN PELAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

Objektif penyediaan Pelan Integriti ini adalah :

- i. **Membangunkan modal insan** (pegawai dan kakitangan) JPBD Negeri Kelantan yang **berintegriti**;
- ii. Memperkasa tadbir urus dan pengurusan tatatertib;.
- iii. Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- iv. Memantapkan budaya integriti di kalangan pegawai dan kakitangan.

STRATEGI BAGI MENCAPAI KEBERKESANAN PENYEDIAAN PELAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

Pelaksanaan setiap objektif strategik Pelan Integriti JPBD Kelantan yang digariskan akan berpandukan kepada beberapa strategi yang dirangka. Strategi- strategi yang digariskan adalah :

Objektif 1: Membangunkan Modal Insan Berintegriti

Objektif ini akan dicapai melalui pelaksanaan strategi- strategi berikut:

- Memperkasa Program Pembangunan Sumber Manusia;
- Mengukuhkan Hubungan di Kalangan Warga dan Pengurusan; dan
- Menggalakkan Gaya Hidup Sihat.

Objektif 2: Memperkasa Tadbir Urus dan Pengurusan Tatatertib

- Memperkasa Sistem Kawalan Dalaman;
- Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus dan Pengurusan Pejabat;
- Meningkatkan Tahap Disiplin;
- Meningkatkan Prestasi Pegawai Berprestasi Rendah; dan
- Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan;

Objektif 3: Memperkasa Sistem Penyampaian Perkhidmatan

- Memantapkan Sistem Pengurusan Pelanggan;
- Memperluas Penggunaan ICT Dalam Melaksanakan Tugas; dan
- Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif.

Objektif 4: Memantapkan Budaya Integriti Di Kalangan Pegawai Dan Kakitangan

- Mempromosi budaya kerja berintegriti;
- Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab sosial dalam membentasi salahlaku di kalangan kakitangan; dan
- Mewujudkan kakitangan yang bermaklumat berhubung dasar, pekeliling dan usaha Kerajaan dalam meningkatkan integriti.

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JPBD NEGERI KELANTAN

Bagi melaksanakan program integriti di peringkat Jabatan dengan lebih berkesan, Pelan Tindakan Integriti dirangka bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan Jabatan.

Penambahbaikan aktiviti dan program perlu dirancang dari semasa ke semasa untuk meletakkan Jabatan selari dengan dasar, aspirasi dan usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan integriti di kalangan penjawat awam. Cadangan pelan tindakan dan program adalah sebagaimana Jadual 1.

PENUTUP

Pelan Tindakan Integriti JPBD Negeri disediakan sebagai langkah untuk meningkatkan dan menggalakkan pembudayaan dan kreativiti di kalangan warga kerja. Dengan adanya Pelan Tindakan Integriti JPBD Negeri Kelantan ini, setiap warga kerja JPBD diharap dapat menghayati dan melaksanakan tugas dengan penuh integriti dalam menjalankan tugas harian. Di samping itu, menjadi hasrat Jabatan untuk menjadikan mempertingkatkan sistem perkhidmatan Jabatan dan menjadikan integriti sebagai teras dalam meningkatkan imej Jabatan di mata awam.

Integriti Amalan Kami



جابتن فرانچن بندر دان ديسا نكري كلنتن

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

**BLOK 4, ARAS BAWAH,
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM,
15646 KOTA BHARU, KELANTAN**

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

Bil	Strategi	Program / Aktiviti	Indikator	Sasaran	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Objektif 1: Membangunkan Modal Insan Berintegriti						
1.1	Memperkasa Program Pembangunan Sumber Manusia	Melaksanakan analisis keperluan latihan kakitangan	Laporan analisis keperluan latihan	1 kali setahun	Unit Latihan	2014-2020
		Pelaksanaan dan pemantauan latihan kakitangan (tempoh minima 7 hari setahun)	Laporan pemantauan latihan	Setiap 3 bulan sekali	Unit Latihan	2014-2020
		Melaksanakan program mentor - mentee	2 kumpulan (pegawai / sokongan)	Setiap tahun / sebagaimana JPBD SM	Unit Latihan	2014-2020
		Memantapkan program AKRAB dengan lebih berkesan	Bilangan program	2 kali setahun	Bahagian Korporat / AKRAB	2014-2020
		Melaksanakan program motivasi / team building / program me bentuk semangat kekitaan (<i>esprit de corp</i>)	Bilangan program	1 kali setahun	Bahagian Korporat	2014-2020
		Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan-jawatan yang sesuai dan mengikut kepakaran pegawai / kakitangan	Bilangan penggiliran	Berterusan	Bahagian	2014-2020
		Melaksanakan kursus / latihan dalaman oleh Pegawai / kakitangan berpengalaman	Jadual latihan / kursus dalaman	8 kali setahun	Setiap Bahagian (2 kali setahun)	2014-2020
1.2	Mengukuhkan Hubungan di Kalangan Warga dan Pengurusan	Meningkatkan peranan Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	Pematuhan Mesyuarat	4 kali setahun	Bahagian Khidmat Pengurusan	2014-2020
		Menjalankan kajian kepuasan pekerja	Kajian Kepuasan	1 kali setahun	Bahagian Korporat	2014-2020
		Sesi dialog bersama pengurusan dan kakitangan / perhimpunan kakitangan	Bilangan dialog / perhimpunan	2 kali setahun	Bahagian Korporat	2014-2020
		Mengadakan Hari Keluarga Jabatan	Bilangan program	1 kali / 2 tahun	Bahagian Korporat / Kelab Sukan dan Kebajikan	2014-2020
		Program santai mesra antara keluarga – keluarga kakitangan JPBD (cth : berkelah / bbq / dll)	Bilangan program	1 kali setahun	Bahagian Korporat / Kelab Sukan dan Kebajikan	2014-2020
1.3	Menggalakkan Gaya Hidup Sihat	Penyertaan kepada Sukan Nasional JPBD SM	Bilangan program	2 kali setahun	Bahagian Korporat / Kelab Sukan dan Kebajikan	2014-2020
		Menganjurkan pertandingan dalaman (cth : bowling / <i>indoor game</i> / badminton)	Bilangan program	2 kali setahun	Bahagian Korporat / Kelab Sukan dan Kebajikan	2014-2020
		Mengadakan kempen kesihatan / program pengurusan emosi / lain-lain program bersesuaian	Bilangan program	1 kali setahun	Bahagian Korporat / Bahagian Khidmat Pengurusan	2014-2020
		Program riadah / senaman (cth : <i>jogging</i>)	Bilangan program	1 kali sebulan	Bahagian Korporat / Kelab Sukan dan Kebajikan	2014-2020

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

Bil	Strategi	Program / Aktiviti	Indikator	Sasaran	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Objektif 2: Memperkasa Tadbir Urus dan Pengurusan Tatatertib						
2.1	Memperkasa Sistem Kawalan Dalaman	Audit Naziran Dalaman Bagi Aspek-aspek Integriti	Laporan Naziran Dalaman	1 kali setahun	Bahagian Korporat / J/K Naziran Dalaman	2014-2020
		Pemantauan keberadaan / kehadiran ke Pejabat	Laporan pemantauan	1 bulan sekali	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
2.2	Memantapkan Mekanisme Tadbir Urus Dan Pengurusan Pejabat	Melaksanakan Audit Nilai Secara Berkala	Laporan Audit Nilai	1 kali setahun	Bahagian Korporat	2014-2020
		Memantapkan pengurusan Mesyuarat J/K Tatatertib	Bilangan mesyuarat	4 kali setahun	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Memantapkan pengurusan Mesyuarat J/K tadbir Urus	Bilangan mesyuarat	3 kali setahun	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Memantapkan pengurusan Mesyuarat J/K Pengurusan Kewangan dan Akaun	Bilangan mesyuarat	4 kali setahun	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Melaksanakan panggilan Mystery Shopping untuk memantau aspek-aspek menjawab telefon	Laporan dalam Mesyuarat Pengurusan	1 bulan sekali	Bahagian Pentadbiran / Bahagian Korporat	2014-2020
2.3	Meningkatkan Tahap Disiplin	Memantau pelaksanaan pengisytiharan harta	Laporan pengisytiharan harta	100% isytihar harta	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Memantau aduan pelanggaran tatatertib / penyelesaian kes-kes tatatertib	Jangkamasa penyelesaian kes	Kurang 3 bulan	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
2.4	Meningkatkan Prestasi Pegawai Berprestasi Rendah	Khidmat bimbingan kaunseling	Bilangan sesi kaunseling & LNPT	Peningkatan Kualiti kerja warga	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Melaksanakan pusingan kerja atau penempatan mengikut kesesuaian	Laporan LNPT	Peningkatan % kepuasan bekerja	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
2.5	Meningkatkan Program Pengiktirafan dan Penghargaan	Memperakukan warga organisasi secara terancang bagi penerimaan Anugerah kebesaran	Perakuan	Setiap Hari Keputeraan	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Memberi pengiktirafan kepada warga yang menunjukkan pengamatan nilai yang tinggi (Pencalonan oleh Ketua Bahagian dan kelulusan Pengarah)	Mengikut amalan murni	1 bulan sekali	Bahagian Pentadbiran / Bahagian Korporat	2014-2020

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

Bil	Strategi	Program / Aktiviti	Indikator	Sasaran	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Objektif 3: Memperkasa Sistem Penyampaian Perkhidmatan						
3.1	Memantapkan Sistem Pengurusan Pelanggan	Mendapatkan maklum balas pelanggan berhubung integriti kakitangan	Pelaksanaan kajian	3 kali setahun	Bahagian Korporat / Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Mewujudkan kotak aduan pelanggan / peti cadangan	Penyelesaian aduan	Berterusan	Bahagian Pentadbiran	2014-2020
		Memantau dan Mengemaskini Piagam Pelanggan Mengikut Keperluan	Pelaksanaan semakan	1 kali setahun (sebagaimana JPBD SM)	Bahagian Korporat	2014-2020
		Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan	Pelaksanaan kajian	1 bulan sekali	Bahagian Korporat / Bahagian Pentadbiran	2014-2020
3.2	Memperluas Penggunaan ICT Dalam Melaksanakan Tugas	Sistem pengurusan fail / semakan permohonan (Contoh : SISIP)	Peningkatan fail diselesaikan	Berterusan	Bahagian Pentadbiran / Bahagian Kawalan	2014-2020
		Laman web yang berinformasi / interaktif / menarik	Pengemaskinian berterusan	Berterusan	Bahagian Korporat	2014-2020
3.3	Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif	Pelaksanaan amalan 5S	Persijilan 5S	1 penilaian setahun	Bahagian Korporat / J/K Induk 5S	2014-2020
		Pertandingan keceriaan pejabat	Bilangan penyertaan	100% penyertaan	Bahagian Korporat / J/K Induk 5S	2014-2020

PELAN TINDAKAN INTEGRITI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI KELANTAN

Bil	Strategi	Program / Aktiviti	Indikator	Sasaran	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan
Objektif 4: Memantapkan budaya integriti di kalangan pegawai dan kakitangan						
4.1	Mempromosi budaya kerja berintegriti	Meningkatkan Aktiviti Pemantapan Nilai-nilai Murni (Contoh: Ceramah Agama, Usrah, UMI Solat Berjemaah, Tahlil, Bacaan Yassin dan Lain-lain)	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020
		Kempen Nilai-nilai Murni (Contoh: Senyum, Ucapan Terima Kasih)	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020
		Menganjurkan program-program integriti (Contoh – Taklimat kesedaran oleh SPRM, Institut Integriti, polis dll)	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020
4.2	Meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab sosial dalam membentaras salahlaku di kalangan kakitangan	Menganjurkan Lawatan ke Institusi-institusi seperti Rumah Orang Tua, Hospital, Rumah Anak Yatim, Pusat Perlindungan dan lain-lain / Menganjurkan Program Bersama Badan Kebajikan	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020
4.3	Mewujudkan kakitangan yang bermaklumat berhubung dasar, pekeling dan usaha Kerajaan dalam meningkatkan integriti	Hebahan mengenai berita-berita integriti	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020
		Info / sudut integriti	Bilangan aktiviti	Berterusan	Bahagian Korporat / Pentadbiran	2014-2020